



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

KENYATAAN TAWARAN (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan didaftarkan dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIM)** / CIBD dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

CADANGAN MENAIKTARAF DEWAN MAKAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

| NO. TENDER | TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK | TEPOH PENJUALAN TENDER | SYARAT PENDAFTARAN (LPIM) / CIBD | HARGA SENASKAH DOKUMEN | TARIKH TUTUP TENDER |
|------------|--|--|---|------------------------|--|
| 5/2015 | 10/03/2015 10.30 pagi Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kuala Terengganu, Wakaf Tengah, Membang Telipot 21030 Kuala Terengganu Terengganu | 11/03/2015 Hingga 24/03/2015 ISNIN-KHAMIS 8.30 pagi - 1.00 petang 2.00 petang - 4.30 petang JUMAAT 8.30 pagi - 12.15 thari 2.45 petang - 4.30 petang | Gred : G4 Kategori : B Pengkhususan : B04 | RM140.00 | 01/04/2015 (Sebelum 12.00 tengah hari) |

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan siji-sijil berikut yang masih **sah tempohnya** untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen :-

- Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIBD
- Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIBD
- Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)

Satu salinan siji-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DERAF** atas **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.
4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.
5. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak seperti catatan di atas. Wakil syarikat **DIWAJIBKAN** membawa bersama surat perwakilan dan cop syarikat semasa menghadiri taklimat tender. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.
6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
7. MARA tidak bertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau mengantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN
TINGKAT 10, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN RAJA LAUT, 50609 KUALA LUMPUR

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>